

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA**

**DI TAIPING**

**DI NEGERI PERAK, MALAYSIA**

**TUNTUTAN NO : TTPM-A-(B)-14-2024**

**ANTARA**

**NUR HIDAYAH BINTI HAMID**

**... PIHAK YANG MENUNTUT**

**DAN**

**NUR IMA SYAFIFAH BINTI ISMAIL**

**... PENENTANG**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

Tuntutan PYM adalah pembayaran RM1,350.00 untuk barangan kemas yang ditempah daripada PP.

**DAPATAN TRIBUNAL / FAKTA RINGKAS**

PYM telah membuat bayaran sebanyak RM1,350.00 kepada Syarikat milik PP. PP mengakui menerima bayaran tersebut yang dibayar ke akaun Syarikat beliau iaitu Pesona Bintang Enterprise. PP selanjutnya juga mengakui bahawa PP adalah agen pembekal iaitu EZ Symmetry Sdn. Bhd. Bayaran yang diterima telah dibayar kepada EZ Symmetry Sdn. Bhd. Dan juga Elish Zamira Enterprise yang dimiliki oleh Nor Shahirah bt Mohammad Yusof.

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN**

- 1) Sebagaimana diakui oleh PP dalam pembelaan dan keterangan beliau adakah PP bertanggungjawab memulangkan wang tersebut.

**UNDANG-UNDANG**

- 1) Pembekal sebagaimana didefinisikan dalam Akta Perlindungan Pengguna "Pembekal" ertinya seorang yang secara Perdagangan.

- (a) Membekalkan barang kepada pengguna dengan memindahkan pemunyaan atau pemilikan barang itu dibawah satu kontrak jualan, pertukaran pajakan, sewaan atau sewabeli yang kepadanya orang itu menjadi satu pihak atau;
- (b) Seorang yang secara perdagangan, menyerahkan atau memperoleh menyerahkan barang kepada seorang pembiaya untuk membolehkan pembiaya itu membekalkan barang itu atau barang premis itu kepada pengguna.

Setelah mendengar kedua-dua belah pihak serta mengambilkira dokumen-dokumen yang telah difailkan Tribunal ini mendapati bahawa PYM telah membuktikan tuntutan beliau.

Tribunal dengan ini memerintahkan agar PP membayar PYM RM1,350.00 berserta kos sebanyak RM500.00 dalam tempoh 14 HARI dari tarikh award ini diserahkan kepada PP.